



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

9 Sep2021 (Thursday)

Berita Harian

Wakil Orang Asli dakwa hanya diberi notis 4 hari 1

Utusan Malaysia

Pertahankan hutan 2

Warga lembah klang boleh rentas daerah 3

Orang Asli dakwa diugut tidak warta tanah adat 4

Harian Metro

MPK serbu kedai runcit haram milik warga asing 5

Diplomasi kesihatan tumpuan kerangka dasar luar 6

Dua premis diberi amaran 7

Kosmo

Isu cerai ,JAIS akan wajibkan kursus pasca perkahwinan 8

Sinar Harian

HSKLU diwartakan semula 9

3,632 penerima SelVx belum terima sijil vaksin digital 10

RM813,900 bantu warga tani Selangor 11

WUIF sumbang wakaf al-Quran 12

Astro Awani

Hutan Simpan Kuala Langat Utara Diwarta Semula 13

Kerajaan Selangor Henti Cadangan Pembangunan Hutan Simpan Kuala Langat 14

Sinar FM

Mohon Agar Penerima Vaksin Bawah Program Selangkah Dibenar Guna Sijil Digital Buat Sementara Waktu 15

TV3

Hanya 42 Hektar Kekal Dinyahwarta 16

The Star

COUNCIL MATTERS 17

'Some vaccinated under Selvax lack digital certificates' 18

S'gor to reverse forest move 19

The Sun

Foreign policy to focus on health diplomacy 20

SAVE THE TREES 21

Astro Awani

Selangor Goct Announces Regazettement Of Kuala Langat North Forest Reserve 22

Traxx FM (90.3)

Selangor Govt Announces Regazettement Of Kuala Langat North Forest Reserve 23

TV3

Let SelVax Recipients Use SELANGKAH Digital Cert Temporarily 24



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Selangor Govt Returns Permanent Forest Reserve Status For KLNFR	25
China Press	
Ng Sze Han: Discuss to extend period of temporary license to reduce unemployed burden	26
MPKL to coincide with upgraded city's anniversary, parking summons in Kuala Langat can enjoy discount in 1 year	27
Selangor government submit application to CITF to allowed temporary use SELangkah e-certificate	28
Selangor MB: Halt to development plans, and will regazette Kuala Langat North Forest Reserve	29
Sin Chew Daily	
Case count from CAC reduced due to smaller crowds? 3 state constituency members : Hard to report pandemic situation if self-tests are not reported	30
Gunarajah : No clusters occurred; Should let spa treatment facilities reopen	31
Gunarajah : Short-term water treatment solution considered to solve water crisis at	32
Bandar Mahkota CAC may be closed after October	33
Ng Suee Lim : 12 vaccination events completed; Sekinchan vaccination rate reached 90pc	34
Pulau Ketam and Sungai Lima are "half-open"; Visits allowed, but no touring or entering hostels	35
Nanyang Siang Pau	
Officials forced to reconcile neighborhood disputes as noise and litter problems soar	36
Kuala Langat 104 acre forest gazette, Selangor Government U turn, not 1326 acres	37
Vaccination under SelVAX but MySJ doesn't show, Selangor government urges permission to use SELangkah certificate	38
Malaysia Nanban	
Kuala Langat North Forest Reserve Will Be Re-Gazetted	39



KERATAN AKHBAR		
9 September 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Wakil Orang Asli dakwa hanya diberi notis 4 hari
Muka Surat	:	20

Penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara



Shaq (kanan) bersama ahli gabungan Pertahanan Hutan Simpan Kuala Langat Utara menunjukkan memorandum yang akan diserahkan kepada Menteri Besar Selangor di Shah Alam, semalam. (Foto BERNAMA)

Wakil Orang Asli dakwa hanya diberi notis 4 hari

Shah Alam: Wakil Orang Asli mendakwa sesi pendengaran awam yang diadakan pada November tahun lalu bagi penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) dilakukan dalam keadaan tergesa-gesa dan tidak ramai dapat menyertainya.

Aktivis Orang Asli, Shaq Koyok berkata, penduduk di lima kampung Orang Asli hanya diberikan notis makluman empat hari sebelum sesi pendengaran awam itu dibuat dengan lokasi program di Pulau Carey yang agak jauh dari kawasan kampung dan menyukarkan penduduk ke sana, sekali gus tidak ramai dapat hadir sesi berkenaan.

Shaq berkata, pihaknya juga sudah menghantar memorandum bantahan penyahwartaan pada Februari tahun lalu, namun

tiada maklum balas diterima, manakala penyahwartaan juga diluluskan ketika pandemik iaitu pada Mei lalu yang didakwa secara tiba-tiba.

"Hutan ini banyak kepentingan kepada rakyat Selangor secara keseluruhannya kerana hutan tempat penyerapan karbon dioksida.

"Kalau tiada hutan, pemanasan global akan terus berlaku. Jadi kami berharap Menteri Besar akan membatalkan kelulusan nyah warta HSKLU," katanya semalam.

Terdahulu, Shaq bersama wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Pertahanan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (PHSKLU) menyerahkan memorandum dan 'Poskad Dari Esok' kepada Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari.

Antara NGO terbabit, *Center*

for Orang Asli (COAC), Five Arts Centre, Global Environment Centre (GEC) dan Greenpeace Malaysia.

Isu penyahwartaan HSKLU terus mendapat perhatian berikutan didakwa dilakukan secara tergesa-gesa menerusi makluman Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian pada sesi penggulangan sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor bulan lalu.

Pada sidang itu, Loy Sian memaklumkan kira-kira 536.70 hektar dari keseluruhan kawasan HSKLU diluluskan untuk dinyahwarta mengikut Seksyen 12, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985 dan 581.48 hektar kawasan turut diluluskan sebagai gantian hutan simpan kekal di negeri ini.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com




CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 9 September 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pertahankan hutan
Muka Surat	:	1



Pertahankan hutan

AKTIVIS Orang Asli yang mempertahankan Hutan Simpan Kuala Langat Utara menunjukkan **Poskad Dari Esok** yang dihantar kepada Menteri Besar Selangor di Shah Alam, semalam. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI



KERATAN AKHBAR 9 September 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Warga lembah Klang boleh rentas daerah
Muka Surat	:	1


Warga Lembah Klang boleh rentas daerah

PUTRAJAYA: Berita baik untuk penduduk kawasan Lembah Klang iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya apabila kerajaan berseutu membenarkan peralihan ke Fasa 2 berkuat kuasa esok.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kelonggaran yang diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik Covid-19 semalam turut memutuskan Selangor, Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya digabungkan sebagai satu kawasan jangkitan yang sama.

Bersambung di muka 2



PETUGAS kesihatan melakukan suntikan Vaksin COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pusat Konvensyen Bangi Avenue (BACC) di sini, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

Warga Lembah Klang boleh rentas daerah

Dari muka 1

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
 maisarah.rahim@mediamulia.com.my

Maka, kata beliau, pergerakan antara negeri-negeri itu adalah dibenarkan dan tiada lagi sekatan jalan raya.

Antara kelonggaran lain, kata beliau, adalah sama seperti negeri-negeri yang telah memasuki Fasa 2 sebelum ini seperti ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) termasuk pergerakan rentas daerah dibenarkan bagi mereka lengkap vaksinasi.

"Pasangan suami isteri jarak jauh yang lengkap divaksin dibenarkan untuk merentas negeri dan ibu bapa yang mendapat dua dos vaksin dibenarkan merentas negeri untuk berjumpa anak mereka yang berusia di bawah 18 tahun.

"Dine-in dibenarkan di

premis makanan untuk pelanggan yang lengkap menerima dua dos vaksin sementara aktiviti pelancongan hanya dibenarkan dalam negeri yang sama yang melibatkan penginapan di hotel dan homestay bagi individu yang lengkap dua dos," katanya dalam kenyataan semalam.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, jawatankuasa turut bersetuju melonggarkan prosedur operasi standard (SOP) bagi aktiviti sukan, riadah dan rekreasi, untuk negeri-negeri yang berada di bawah Fasa 1.

Katanya, antara ketetapan yang telah diputuskan ialah membenarkan aktiviti sukan indoor, kecuali gimnasium, kepada individu yang lengkap dua dos vaksin.

Bagi fasiliti sukan dan rekreasi komersial tertutup (indoor), Perdana Menteri berka-

ta, ia dibenarkan beroperasi dengan kawal selia, hanya kepada pelanggan yang lengkap divaksin, manakala penggunaan fasiliti perlu dilakukan secara janji temu di samping pematuhan SOP.

Jelas Perdana Menteri, bagi sektor perdagangan dan pengedaran; perniagaan kedai bunga/nursery, kedai peralatan outdoor dan galeri perumahan akan mula dibenarkan beroperasi mulai tarikh sama bagi negeri-negeri yang berada di bawah Fasa 1.

"Sementara itu bagi negeri yang diletakkan di bawah Fasa 2 dan Fasa 3, kelonggaran tambahan bagi aktiviti kedai gunting, hair dresser dan salon kecantikan dibenarkan. Keterangan Prosedur Operasi Standard (SOP) terkini akan dikemaskini oleh MKN dan kementerian berkaitan," katanya.



KERATAN AKHBAR
9 September 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Orang Asli dakwa diugut tidak warta tanah adat
Muka Surat	:	4

Orang Asli dakwa diugut tidak warta tanah adat

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
 athir.ismail@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Kerajaan negeri dikatakan tidak mahu mewartakan kawasan penempatan Orang Asli membabitkan lapan buah kampung berhampiran Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) menyebabkan tiga Tok Batin terpaksa menyatakan persetujuan berhubung nyahwarta hutan simpan berkenaan.

Perkara itu didedahkan aktivis Orang Asli, Shaq Koyok susulan Exco Pelancongan dan Alam Sekitar, Hee Loy Sian memuat naik hantaran di Facebook semalam beserta gambar menunjukkan memorandum persetujuan nyahwarta ditandatangani tiga Tok Batin.


Mereka adalah dari Kampung Bukit Cheeding, Bukit Kechil dan Pulau Kempas, Kuala Langat yang bersetuju dengan nyahwarta HSKLU menerusi memorandum dipercayai setebal lapan muka surat diterima Loy Sian semalam (8 September).

Bagaimanapun, beliau menegaskan, pendirian asal disuarakan oleh ketiga-tiga Tok Batin berkenaan bersama penduduk kampung termasuk Kampung Busut Baru sejak tahun lepas menerusi satu surat kepada kerajaan negeri pada Februari 2020 adalah tidak bersetuju.

"Tahun lepas Tok Batin tak setuju penyahwartaan hutan simpan. Siap buat demonstrasi hantar memorandum bantah.

"Bulan September tahun lepas ada pihak atasan gertak Tok Batin supaya setuju. Kalau tak, kerajaan tak akan wartakan tanah kampung kami (warta sebagai tanah adat Orang Asli)," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Terdahulu, akhbar ini mela-



SHAQ Koyok semasa menyerahkan memorandum mempertahankan Hutan Simpan Kuala Langat Utara kepada Menteri Besar Selangor di Shah Alam semalam. - UTUSAN/ZULFADHLI ZAKI

porkan tanah HSKLU seluas kira-kira 536.7 hektar dilaporkan dinyahwarta selepas Loy Sian memaklumkan dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor pada minggu lalu.

Isu terbabit mendapat perhatian banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta ahli politik sehingga Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari menangguhkan penyahwartaan HSKLU dan membawanya ke dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri semalam.

Dalam pada itu, Shaq turut menafikan dakwaan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Datuk Ahmad Fadzil Abd. Majid yang menegaskan tanah HSKLU bukan tanah turun-temurun.

Menurutnya, tanah berkenaan pernah digazet sebagai hak milik

kaum pribumi itu ketika Kerajaan British memerintah Tanah Melayu berdasarkan pernyataan dalam Enakmen Hutan 1918 yang mana dokumen pewartaan itu dibuat pada 19 April 1927 dan ditandatangani oleh Pemangku Setiausaha kepada Residen British di Selangor, L.A. Allen.

"Sebenarnya Orang Asli ada hak di kedua-dua kawasan iaitu tanah kampung serta hutan HSKLU," ujarnya.

Terdahulu, Loy Sian dalam Facebooknya memuat naik hantaran mengenai nyahwarta HSKLU dan menyatakan keputusan mengenainya sama ada kekal nyahwarta, tangguh atau dibatalkan diketahui selepas Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) hari ini (semalam).



KERATAN AKHBAR
9 September 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	MPK serbu kedai runcit haram milik warga asing
Muka Surat	:	3

Klang: Bukan hanya membuka perniagaan runcit haram malah kumpulan 'tauke' warga asing ini turut bergiat aktif menjual arak tanpa lesen.

Itu dibuktikan hasil operasi khas dilakukan Majlis Perbandaran Klang (MPK) terhadap 10 premis sekitar Klang Utara, di sini semalam.

Yang Di Pertua MPK, Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin berkata, serbuan pertama membabitkan enam premis yang menjalankan pelbagai perniagaan tanpa lesen dikendalikan warga asing di Taman Dato Bandar, Jalan Salleh, Off Jalan Meru di sini.

"Premis berkenaan menjalankan perniagaan menjual arak dan kedai runcit, kedai makan, kedai alat telekomunikasi, kedai serbaneka serta kedai gunting rambut.


"Terdapat juga kedai runcit menjual ayam serta memproses ayam hidup dalam premis tanpa kebenaran MPK.

"Sementara itu, empat premis diserbu di Jalan Abadi 10D / KU8 Meru di sini, didapati menjalankan aktiviti menjual arak di kedai runcit. Malah terdapat kedai makan dikendalikan warga asing," katanya.

Ahmad Fadzli berkata, pihak MPK bertindak menyita kesemua barang dijual itu.

"MPK tidak pernah berkompromi dalam isu ini dan akan sentiasa memperhebatkan operasi dari masa ke semasa

MPK serbu kedai runcit haram milik warga asing



ANTARA premis perniagaan haram warga asing yang diserbu MPK.

bagi menangani isu peniaga warga asing yang sering dikaitkan dengan Klang.

"Saya juga mengingatkan warga

tempat tidak mengambil jalan mudah dengan menyewakan premis atau lesen mereka kepada warga asing kerana ia satu kesalahan serius dalam penggunaan lesen perniagaan," katanya.

Kesemua barang yang dijual disita MPK



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 9 September 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Diplomasi kesihatan tumpuan kerangka dasar luar
Muka Surat	:	8

Diplomasi kesihatan tumpuan kerangka dasar luar

Kuala Lumpur: Diplomasi kesihatan akan menjadi tumpuan kerangka dasar luar dalam pentadbiran baharu yang akan mengemudi pendekatan Malaysia dalam menguruskan pandemik Covid-19 dan kesannya sekarang dan tiga hingga lima tahun akan datang.

Menteri Luar Datuk Saifuddin Abdullah berkata, beliau akan mengatur mesyuarat bersama Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin dan Menteri Kanan Perdagangan

Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mohamed Azmin Ali untuk membincangkan kerangka terbabit.

"Diplomasi kesihatan akan menjadi antara tumpuan utama dan kita akan bahagikan kepada dua sub tema - apa yang perlu kita lakukan ketika sedang menghadapi pandemik (Covid-19) dan bahagian kedua mengenai tindakan pasca pandemik," katanya pada sidang media sempena lawatannya ke Institut Kajian

Strategik dan Antarabangsa (ISIS), di sini, semalam.

Jumaat lalu, Saifuddin mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Perundingan Dasar Luar Negeri (CCFP), yang menjadi platform bagi pembentukan kerangka dasar luar, mem-babitkan pegawai kanan kementerian, wakil perniagaan, masyarakat awam dan ahli akademik.

Beliau menyatakan pendekatan Malaysia harus bersifat inter-disiplin terma-

suk dalam bidang kesihatan awam, urusan antarabangsa, pengurusan, undang-undang, ekonomi, dasar perdagangan serta sains dan teknologi.

"ISIS melakukan beberapa perkara yang baik di bidang ini. Saya telah meneliti laporan yang saya terima pagi tadi (semalam). Saya fikir kita berada di landasan yang tepat untuk membentuk kerangka kerja ini, terutama berurusan dengan diplomasi kesihatan," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

9 September 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Dua premis diberi amaran
Muka Surat	:	8

JUAL KIT UJIAN COVID-19 MELEBIHI HARGA SILING

Dua premis diberi amaran

Rawang: Sebanyak 141 pemeriksaan penjualan kit ujian pantas antigen Covid-19 dilakukan semalam di seluruh negara bagi memantau pematuhan harga siling kit ujian berkenaan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) Datuk Rosol Wahid berkata, daripada jumlah itu, 135 premis mematuhi harga kawalan yang ditetapkan, dua premis menjual di bawah harga siling, tiga premis menjual melebihi harga siling dan satu premis tidak menjual kit berkenaan.

Katanya, dua daripada tiga premis yang menjual kit ujian melebihi harga siling itu diberi amaran.

“Apa yang menariknya, ada dua premis yang men-

jual di bawah harga kawalan, saya nampak peniaga ini amat berdisiplin,” katanya selepas melancarkan Program Pengumpulan Bahan Makanan dan Barangan Penjagaan Diri untuk mangsa fenomena kepala air di Gunung Jerai, Kedah di sini.

Majlis pelancaran program yang dianjurkan oleh Persatuan Pakatan Pemandu Berhemah Malaysia di sini, semalam itu turut disertai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Rawang Chua Wei Kiat dan Adun Taman Templer Mohd Sany Hamzan.

“Tanpa mengira fahaman politik, kita bersatu untuk meringankan beban yang ditanggung oleh semua-mangsa,” kata Rosol.

- Bernama



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
9 September 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Isu cerai ,JAIS akan wajibkan kursus pasca perkahwinan
Muka Surat	:	6

Isu cerai, JAIS akan wajibkan kursus pasca perkahwinan

SHAH ALAM – Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) berca-dang untuk mewajibkan kursus pasca perkahwinan kepada pa-sangan suami isteri beragama Islam di negeri ini dalam usaha mengukuhkan institusi kekeluar-gaan.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Undang-Undang Ke-luarga JAIS, Nik Suhaila Nik Hus-sin berkata, cadangan berkaitan perkara itu sedang diperhalusi sebelum dibawa ke peringkat lebih tinggi.

Menurutnya, JAIS sememang-nya mempunyai kursus terse-but, namun bilangan peserta berkurangan disebabkan keka-

ngan dari segi kos.

"Kursus itu merupakan satu cara untuk menyelamatkan ru-mah tangga dan kita sentiasa konsisten melakukannya setiap tahun, namun setakat ini belum diwajibkan.

"Terdapat empat modul dalam kursus berkenaan iaitu fasa bulan madu bagi pasangan yang telah berkahwin antara se-tahun hingga lima tahun, fasa se-marak kasih (6 hingga 10 tahun), sehati sejiwa (11 hingga 20 tahun) dan syurga cinta (21 tahun ke atas)," katanya dalam bual bicara secara dalam talian bersama se-buah portal di sini.

Menurutnya, dalam kursus



KERATAN Kosmo! 19 Ogos 2021.

pasca perkahwinan berkenaan, pengukuhan dibuat dari segi ke-wangan, mental dan mengurus-kan konflik kerana mereka bukan berangan-angan sebaliknya telah melalui alam rumah tangga.

"Penyertaan paling cepat atau

banyak adalah bagi fasa syurga cinta disebabkan tiada komit-men yang membebankan seperti menjaga anak berbanding fasa-fasa lain," ujarnya.

Nik Suhaila memberitahu, ber-dasarkan rekod, sebanyak 9,438 pasangan bercerai pada 2019, manakala pada 2020 (7,683) dan sehingga Julai tahun ini sebanyak 2,621 dengan peringkat umur pa-sangan paling tinggi dalam ling-kungan 31 hingga 35 tahun.

"Usia perkahwinan paling dominan bercerai adalah seta-hun hingga lima tahun.

"Manakala penurunan kes penceraiian dicatatkan setakat Julai berkemungkinan kerana

kekangan kepada orang awam dalam menguruskan penceraiian ekoran tempoh pandemik de-ngan mahkamah mengutamakan kes-kes yang kritikal," jelasnya.

Dalam perkembangan sama, Nik Suhaila berkata, JAIS men-catatkan peningkatan aduan penceraiian dengan 11,308 aduan pada 2018, manakala 15,887 aduan (2019) dan 17,801 aduan pada 2020 bagi keseluruhan 10 kategori aduan.

"Aduan yang paling dominan adalah berkaitan akhlak seperti ketagihan media sosial, pengotor dan kuat merokok selain aduan tidak bertanggungjawab dan masalah komunikasi," jelasnya.



KERATAN AKHBAR		
9 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	HSKLU diwartakan semula
Muka Surat	:	13

HSKLU diwartakan semula

Kerajaan Selangor juga memutuskan untuk henti cadangan pelan pembangunan ke atas kawasan tersebut

Oleh **ASYRAF MUHAMMAD**

SHAH ALAM

Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor yang bersidang pada petang Rabu memutuskan untuk mewartakan semula kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU).

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kerajaan negeri juga memutuskan untuk menghentikan



AMIRUDIN

cadangan pelan pembangunan ke atas kawasan tersebut serta membatalkan pembermilikan tanah berkenaan kepada syarikat berkaitan.

Beliau berkata, sebahagian tanah HSKLU seluas 42.087 hektar daripada keluasan keseluruhan berjumlah 536.6 hektar akan turut diwartakan bagi melengkapkan pembermilikan tanah kepada Kampung Orang

Asli Busut Baru yang tertangguh susulan pemindahan mereka sebelum ini berikutan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Sehubungan itu, kerajaan Selangor akan memulakan proses mewartakan semula HSKLU

selepas ini," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Menerusi kenyataan sama, Amirudin berkata, kerajaan ne-



Hutan Simpan Kuala Langat Utara.

geri juga akan mempertimbangkan sebahagian kecil lagi kawasan HSKLU dinyahwartakan bagi jajaran Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Katanya, kawasan gantian yang diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal (HSK) seluas 581.129 hektar di Sungai Panjang, Ampang Pechah dan Bukit Broga akan turut dikekalkan statusnya.

"Kerajaan Selangor menegaskan bahawa segala proses penyahwartaan HSKLU se-

belum ini telah mengikuti segala prosedur dan tatacara yang dinyatakan mengikut lunas undang-undang," katanya.

Tambah beliau, sebagai sebuah kerajaan yang berteras prinsip akauntabiliti, kerajaan Selangor akan menulis surat kepada Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi mengadakan sidang Jawatankuasa Pilihan Khas Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan untuk menjawab isu-isu yang dibangkitkan dengan penyahwartaan sebelum ini.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
9 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	3,632 penerima SelVx belum terima sijil vaksin digital
Muka Surat	:	23

3,632 penerima SelVax belum terima sijil vaksin digital

MIMOS memaklumkan hadapi masalah teknikal memasukkan data ke dalam MySejahtera

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SHAH ALAM

Kerajaan Selangor menerima sebanyak 3, 632 aduan daripada penerima vaksin di bawah Program Vaksin Selangor (SelVax) yang masih belum memperoleh sijil vaksin digital menerusi aplikasi MySejahtera.

Pejabat Exco Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor dalam kenyataan pada Rabu berkata, kerajaan Selangor memandang serius perkara itu kerana di-

khuatiri angka sebenar adalah lebih ramai.


Menurut kenyataan tersebut, kerajaan Selangor melalui Exco Kesihatan Awam telah memohon penjelasan daripada pihak Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF).

“Pihak CITF memaklumkan bahawa pihak pusat penyelidikan dan pembangunan gunaan nasional MIMOS menghadapi masalah teknikal dalam mengintegrasikan sebahagian data-data penerima vaksin SelVax ke dalam sistem MySejahtera,” katanya.

Menurut kenyataan tersebut, MIMOS menyatakan bahawa proses berkenaan akan mengambil masa dan tidak dapat memberi tarikh sebenar ia dapat diselesaikan.

Sehubungan itu, kerajaan negeri memohon kepada pihak CITF supaya penerima vaksin di bawah program SelVax diberi kebenaran untuk menggunakan sijil vaksinasi digital SELangkah buat sementara waktu.

Menurut kenyataan itu lagi, Menteri



Kenyataan media dikeluarkan Pejabat EXCO Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Selangor pada Rabu.

Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar telah bersetuju membawa cadangan membenarkan penggunaan sijil vaksin SELangkah ke Mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada Rabu.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

9 September 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	RM813,900 bantu warga tani Selangor
Muka Surat	:	23

RM813,900 bantu warga tani Selangor

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor telah membelanjakan sebanyak RM813,900 melibatkan 1,805 penerima bagi bantuan dan insentif warga tani di negeri itu sehingga 26 Julai lalu.

Menerusi info grafik dan status dikongsi Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari di Facebook beliau pada Rabu menunjukkan daripada jumlah tersebut, sebanyak RM405,300 diperuntukkan bagi pembelian petrol yang melibatkan seramai 1,351 penerima.

Sebanyak RM270,000 pula diperuntukkan bagi bantuan makanan ternakan membabitkan 300 penerima dan RM138,600 untuk bantuan makanan akuakultur melibatkan seramai 154 penerima.

Amirudin dalam kenyataannya berkata, pelbagai bantuan dan insentif diwujudkan bagi membantu warga tani di Selangor.

“Langkah ini bagi memastikan jaminan bekalan makanan di samping membantu kehidupan warga tani,” kata beliau.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
9 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	WUIF sumbang wakaf al-Quran
Muka Surat	:	24

WUIF sumbang wakaf al-Quran

Penyerahan al-Quran kepada warga kerja MBSA, Perkeso dan JPN Petaling Jaya

Oleh **FOUZIAH AMIR**

SHAH ALAM

Wakaf al-Quran menjadi hadiah bermakna buat warga kerja Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) untuk mengisi masa bermanfaat ketika bertugas di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21 di sini.

Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran MBSA, Muhammad Hazrul Mamat yang mewakili 20 rakan setugas di lapangan menerima sumbangan al-Quran itu daripada wakil Sekretariat Wakaf Al-Quran, Yayasan Warisan Ummah Ikhlās

(WUIF), Hashim Anang pada 6 September lalu.

"Al-Quran tersebut diletakkan di surau sementara-untuk kegunaan petugas dan orang ramai. Ia dapat memberi pengisian rohani dan ketenangan di tempat bekerja. Pihak kami berterima kasih kepada semua pewakaf atas sumbangan tersebut.

"Kami mula berkhemah di tapak tanah perkuburan pusat pengebumian jenazah Covid-19 sejak Julai lalu.

"Menyaksikan pengebumian jenazah tanpa mengira usia setiap hari dapat memberi keinsafan kepada diri sendiri tentang kematian. Kami juga sentiasa mengingati waris si mati agar sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) secara sendiri," katanya.

Pada hari sama, Hashim melakukan penyerahan wakaf al-Quran di dua organisasi lain iaitu Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Daerah Petaling Jaya dan Pejabat Perkeso Petaling Jaya.



Hashim (kiri) menyerahkan 10 naskhah al-Quran wakaf kepada pihak Perkeso yang diwakili Mohamad Faizul Hadzri (kanan) dan Norlina Alias.

Pegawai Pentadbiran Perkeso, Muhamad Faizul Hadzri Zakaria berkata, sebanyak 10 naskhah al-Quran diterima daripada WUIF.

Menurutnya, sumbangan al-Quran tersebut akan diletakkan di Quran Corner, ruang pejabat dan surau agar mudah diakses oleh warga kerja.

Sementara itu, Ketua Pejabat JPN Daerah Petaling Jaya, Mohd

Zaidi Ibrahim berkata, warga kerja berasa gembira dapat 'mendekati' al-Quran di pejabat.

"Sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, kami memanfaatkan al-Quran untuk mengikuti kelas mengaji pada setiap hari Jumaat," katanya.

WUIF menggerakkan kempen wakaf al-Quran bertajwid

dan terjemahan kepada golongan sasaran untuk baca, faham serta amal.

Ia membawa agenda besar dalam menuju tahun 1500H untuk kembali kepada al-Quran.

Untuk maklumat lanjut mengenai wakaf al-Quran di bawah WUIF, orang ramai boleh layari <https://www.facebook.com/WorldQuranHour>.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
8 September 2021

Akhbar	:	Astro Awani
Tajuk Berita	:	Hutan Simpan Kuala Langat Utara Diwarta Semula
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
8 September 2021

Akhbar	:	Astro Awani
Tajuk Berita	:	Kerajaan Selangor Henti Cadangan Pembangunan Hutan Simpan Kuala Langat
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
8 September 2021

Akhbar	:	Sinar FM
Tajuk Berita	:	Mohon Agar Penerima Vaksin Bawah Program Selangkah Dibenar Guna Sijil Digital Buat Sementara Waktu
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
8 September 2021

Akhbar	:	TV3
Tajuk Berita	:	Hanya 42 Hektar Kekal Dinyahwarta
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 9 September 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	COUNCIL MATTERS
Muka Surat	:	2

COUNCIL MATTERS

> Kuala Lumpur City Hall will close Ikan Emas wet market in Cheras until Sept 15 for sanitisation.

> Shah Alam City Council library is holding an essay writing competition in conjunction with National Day. Open to Malaysians aged 13 to 18. Deadline is Sept 15. For details, visit <https://bit.ly/3B7TX2s>

> Kuala Langat Municipal Council is offering discounts of up to 80% for parking fines. For details, call 03-3181 1809 or visit www.mpkj.gov.my.

> Sepang Municipal Council is resuming parking charges in commercial areas from Sept 15. For details, call the Treasury Department at 03-8319 0200 ext 266.



KERATAN AKHBAR		
9 September 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	'Some vaccinated under Selvax lack digital certificates'
Muka Surat	:	2

